

KUALA LUMPUR, 11 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN KAKITANGAN KERAJAAN SUPAYA MENINGKATKAN PRESTASI PERKHIDMATAN MEREKA DARI MASA KE SEMASA UNTUK MEMAJUKAN DIRI, AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA, PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG BUKAN SAHAJA MENJAMIN KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK, MALAH MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG AMAN DAN DIHORMATI DI DUNIA.

+KITA SEHARUSNYA BERSYUKUR KERANA BERADA DALAM KEADAAN SIHAT, BERKEDUDUKAN BAIK WALAUPUN RAMAI YANG MENGANGGUR, SERTA HIDUP DALAM SEBUAH NEGARA YANG AMAN, TANPA DIGANGGU-GUGAT OLEH SESIAPA.

+OLEH ITU, KITA SEPATUTNYA TAHU BERSYUKUR DAN INSAF BAHAWA KITA ADALAH PENERIMA BANYAK KEBAHAGIAAN DAN HARUS PULA MENJADI GOLONGAN YANG MEMBERI,+ KATANYA PADA PELANCARAN PROGRAM BULANAN +KE ARAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN CINTAI NEGARA KITA+ BAGI KAKITANGAN JABATAN PERDANA MENTERI HARI INI.

PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA: +KITA TIDAK SEHARUSNYA MENJADI PENERIMA SAHAJA, SEBALIKNYA MENJADI ORANG YANG MEMBERI DAN APA YANG HARUS DIBERI IALAH KHIDMAT CEMERLANG KEPADA AGAMA, BANGSA DAN NEGARA+. -- LAGI

#### MAHATHIR - KHIDMAT 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, USAHA UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG MAJU, AMAN DAN LEBIH BAHAGIA, BUKAN BERMAKNA BAHAWA KAKITANGAN KERAJAAN SELAMA INI TIDAK BERKHIDMAT DENGAN BAIK.

APA YANG PENTING IALAH PRESTASI PERKHIDMATAN MEREKA BOLEH TERUS DITINGKATKAN UNTUK MENJAMIN KEMAJUAN YANG LEBIH BAIK PADA SETIAP MASA, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN ITU HARUSLAH DENGAN PENUH KEINSAFAN, KESYUKURAN DAN DENGAN NIAT UNTUK MENJALANKAN TUGAS DENGAN LEBIH BAIK TERHADAP AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

BELIAU BERHARAP MELALUI PROGRAM YANG DIWAJIBKAN PADA HARI ISNIN PERTAMA SETIAP BULAN ITU, DAPAT MEMBERI INGATAN KEPADA SELURUH KAKITANGAN JPM SUPAYA SENTIASA BERSYUKUR SERTA MEMBERIKAN PERKHIDMATAN CEMERLANG YANG DIHARAPKAN.

MAJLIS PAGI INI, YANG DIHADIRI OLEH SEMUA KAKITANGAN JPM, TERMASUK MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR YUSOF NOOR, TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI DI JPM, DATUK OO GIN SUN, DATUK DR SITI ZAHARAH SULAIMAN DAN DRS SULEIMAN MOHAMED, DIMULAI DENGAN NYANYIAN NEGARA KU DAN LAGU SETIA. -- LAGI

1149MST 11 01 88

#### MAHATHIR - KHIDMAT 3 KUALA LUMPUR

DATUK DR YUSOF, KETIKA DITANYA OLEH PEMBERITA KEMUDIAN SAMA ADA BELIAU AKAN MENGARAHKAN JABATAN-JABATAN LAIN MENGADAKAN PROGRAM YANG SERUPA, BERKATA, TERPULANGLAH KEPADA KEMENTERIAN ATAU KETUA JABATAN MASING-MASING UNTUK MENGADAKAN PROGRAM SEUMPAMA ITU.

+BAGAIMANAPUN, PERKARA YANG ELOK, APA SALAHNYA KITA IKUT ATAU TELADANI KERANA KITA MENGAMALKAN SLOGAN KEPIMPINAN MELALUI TELADAN,+ TAMBAHNYA.

KEMENTERIAN PENERANGAN MULA MELANCARKAN +KEMPEN SETIA+ DAN DIIKUTI DENGAN PROGRAM +HARI SETIA+, UNTUK MENANAMKAN SEMANGAT KESETIAAN, KEJUJURAN DAN DISIPLIN DI KALANGAN KAKITANGANNYA, SEJAK TAHUN LEPAS.

MELALUI PROGRAM ITU, KAKITANGAN DI BAWAH KEMENTERIAN BERKENAAN, TERMASUK DI PERINGKAT NEGERI, BERKUMPUL PADA PUKUL 8 PAGI, HARI ISNIN PERTAMA SETIAP BULAN, UNTUK MENYANYIKAN NEGARA KU DAN MENAIKKAN BENDERA MALAYSIA, SEBELUM MENDENGAR AMANAT MENTERI. -- BERNAMA

1151MST 11 01 88